

SULIT

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BERTULIS

**DARIPADA : TUAN SHAMSUL ISKANDAR BIN MOHD
AKIN
[BUKIT KATIL – PKR]**

SOALAN (NO. 525)

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan Status terkini tahap persediaan atlit-atlit negara ke Sukan Olimpik di Rio Brazil serta sasaran pingat bagi temasya kali ini.

SULIT

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga 24 Februari 2016 seramai 7 atlet telah disahkan layak ke Sukan Olimpik Rio 2016 iaitu Khairul Anuar Mohamad, Pandelega Rinong, Nur Dhabitah Sabri, Ooi Tze Liang, Wendy Ng Yan Yee, Cheong Jun Hoong dan Jonathan Wong Guan Jie melalui acara sukan memanah, terjun dan menembak. Namun masih terdapat beberapa acara sukan yang masih dalam proses peringkat kelayakan sehingga Julai 2016 dalam beberapa acara seperti badminton, perahu layar, berbasikal, golf, gimnastik dan renang. Kementerian Belia dan Sukan (KBS) menjangkakan lebih ramai atlet dapat melepasi kelayakan ke Olimpik Rio.
2. Persiapan rapi sedang dibuat oleh Institut Sukan Negara (ISN) dari aspek sains dan perubatan sukan dalam menyiapkan atlet bagi menyertai kejohanan Olimpik Rio 2016. Namun sasaran pingat tidak ditetapkan pada kali ini. Sasaran utama adalah untuk memastikan peningkatan bilangan atlet yang layak ke Sukan Olimpik Rio 2016 sekurang-kurangnya seramai 22 atlet melalui Program Podium.

Sekian, terima kasih.

JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA : TUAN SHAMSUL
ISKANDAR BIN MOHD AKIN
[BUKIT KATIL]**

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA

PERTANYAAN BERTULIS

Tuan Shamsul Iskandar bin Mohd Akin [Bukit Katil] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sejauh manakah Kementerian berjaya melaksanakan pemansuhan yuran sekolah atau sifar yuran sekolah memandangkan terdapat banyak keluhan ibu bapa tentang bebanan bayaran yang ditanggung pada sesi pendaftaran baru 2016.

JAWAPAN

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) menyediakan bantuan kewangan **secara langsung** dan **tidak langsung** kepada murid melalui **25 jenis Bantuan Persekolahan** bertujuan membantu proses Pengajaran dan Pembelajaran murid. Bantuan Persekolahan terbahagi kepada tiga kategori iaitu **Bantuan Persekolahan Umum, Bantuan Persekolahan Khusus** dan **Bantuan Persekolahan One-Off**.

Bantuan Persekolahan Umum diberikan kepada semua murid berdasarkan enrolmen di sesebuah sekolah meliputi bantuan yuran-yuran sekolah

manakala Bantuan Persekolahan Khusus dan *One-Off* adalah berdasarkan kriteria kelayakan tertentu seperti pendapatan ibu bapa/penjaga, kelayakan akademik/kokurikulum dan sebagainya.